



**IKLAN JAWATAN KOSONG  
KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Syarat-syarat Am**

- a) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- b) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- c) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- d) Cara permohonan – Rujuk di ruang **PEMBERITAHUAN**.

**PERATURAN 7(a)**

*Dibukakan kepada orang ramai termasuk pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan, yang memenuhi syarat-syarat kelayakan atau kriteria-kriteria yang dikehendaki bagi jawatan tersebut.*

1. **JAWATAN** : **Penolong Pendaftar**
2. **BAHAGIAN** : **II**
3. **TANGGAGAJI** : **UB.1 / UB.1 EB.2**
4. **KEKOSONGAN JAWATAN** : **1**
5. **SYARAT-SYARAT KELAYAKAN** :

**BAGI TANGGAGAJI UB. 1 EB. 2**

- a) Mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang yang bersesuaian yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.

**BAGI TANGGAGAJI UB. 1**

- a) i. Mempunyai Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya dalam bidang yang bersesuaian yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji C.3 selama tidak kurang dari 5 tahun dan telah di tetapkan dalam jawatan.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.

ATAU

- ii. Telah berkhidmat di Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dalam jawatan yang

bersesuaian di dalam tanggagaji C.3 selama tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

iii. Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di- Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji C.3 selama tidak kurang dari 9 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

- b) Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap CEMERLANG dan mendapat sokongan yang kuat dari Ketua Jabatan adalah merupakan satu kelebihan.

#### 6. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

Membantu Pendaftar dalam menguruskan hal-ehwal pentadbiran Kolej Universiti.

Tugas dan tanggungjawab termasuklah:

- a) Penolong Setiausaha kepada Majlis Kolej Universiti dan Jawatankuasa-Jawatankuasa Kolej Universiti.
- b) Bertanggungjawab kepada Ra'es dan Timbalan Ra'es bagi hal pentadbiran dan akademik Kolej Universiti.
- c) Lain-lain tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.

#### 7. SYARAT-SYARAT LAIN:

- a) Kolej Universiti berhak menolak borang permohonan yang tidak diisi dengan lengkap dan yang tidak menyertakan dokumen-dokumen yang diperlukan.
- b) Hanya pemohon-pemohon yang memenuhi syarat-syarat dan yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk menjalani ujian bertulis / sesi temuduga.
- c) Bagi pemohon-pemohon yang terdiri daripada kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia hendaklah menghantar borang permohonan melalui Ketua Jabatan berserta dengan satu SOKONGAN LAPORAN SULIT mengenai pemohon, laporan PRESTASI TIGA (3) TAHUN KEBELAKANGAN, BORANG PENGESAHAN KETUA JABATAN dan SATU SALINAN REKOD PERKHIDMATAN YANG LENGKAP dan TERKINI.

### PEMBERITAHUAN

1. Borang permohonan Form P1 bolehlah didapati dan diisi melalui dalam talian dari laman sesawang [www.kupu-sb.edu.bn](http://www.kupu-sb.edu.bn).
2. Jika ada sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi +6732236277, semasa waktu pejabat atau email kepada [pendaftar@kupu-sb.edu.bn](mailto:pendaftar@kupu-sb.edu.bn).

Tarikh Iklan: 30 Mac 2024  
Tarikh Tutup Iklan: 20 April 2024

Rujukan Iklan: KUPU SB/PJW/13-15/24